



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3/2020

Rujukan : Bil (32) dlm.MBI.B1/12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

28 Februari 2020

Pengarah Kanan /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

SUB-MODUL BAGI MEREKOD PRESTASI KONTRAKTOR.

Dengan hormatnya saya memohon perhatian tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, Jabatan Perbendaharaan telah menambahbaik Modul **MYPEROLEHAN** dengan membangunkan **Sub-Modul Prestasi Kontraktor**. Sub-modul ini bertujuan bagi merekod dan menyimpan data berkaitan prestasi kontraktor / pembekal yang pernah mempunyai kontrak kerja, bekalan dan perkhidmatan dengan pihak Majlis. Selain itu, data-data ini akan membantu pihak jabatan di masa akan datang bagi penyediaan kertas kerja dan seterusnya membantu Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender untuk membuat keputusan pemilihan.

3. Oleh itu, kerjasama daripada semua jabatan diperlukan untuk membuat penilaian dan memberikan markah yang sewajarnya kepada kontraktor / pembekal dibawah seliaan jabatan masing-masing. Pihak jabatan boleh menghantar atau memaklumkan senarai nama pegawai/anggota yang ditugaskan untuk mengisi prestasi kontraktor kepada Unit Bekalan & Perolehan bagi kebenaran mengakses masuk ke **Sub-Modul Prestasi Kontraktor** tersebut. Dilampirkan **Manual Pengguna** sebagai rujukan.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BERSIH HIJAU DAN MAJU"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH SAIDATUL AKMA BINTI JAMALUDIN)
Pengarah Kanan (Pentadbiran Dan Kewangan)

s.k Datuk Bandar Ipoh

Setiausaha Bandaraya